

PLANMalaysia	PROSEDUR KUALITI KHAS		MUKA SURAT: i
	JPBD (IP) PKK UPP	NO. KELUARAN: 6	TARIKH: 22 JULAI 2021

Singkatan

- | | | |
|----|-------------------|--|
| 1. | BRP | - Bahagian Rancangan Pembangunan |
| 2. | PLANMalaysia | - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa |
| 3. | KUPP | - Ketua Unit Penyelarasan Projek |
| 4. | PP | - Pegawai Perancang Bandar dan Desa |
| 5. | PPP | - Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa |
| 6. | TKP (Perancangan) | - Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) |
| 7. | TWP | - Timbalan Wakil Pengurusan |
| 8. | UPP | - Unit Penyelarasan Projek |

PLANMalaysia	PROSEDUR KUALITI KHAS		MUKA SURAT: ii
	JPBD (IP) PKK UPP	NO. KELUARAN: 6	TARIKH: 22 JULAI 2021

1.0 LATAR BELAKANG

Selaras dengan penstrukturan semula organisasi PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) pada tahun 2008, Jabatan ini telah dibahagikan kepada lapan (8) bahagian iaitu Bahagian Rancangan Pembangunan, Bahagian Rancangan Fizikal Negara, Bahagian Perancangan Wilayah, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, Bahagian Maklumat Gunatanah Negara, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Korporat.

Di bawah Bahagian Rancangan Pembangunan (BRP) pula terdapat lima (5) pejabat iaitu Unit Penyelarasan Projek, Pejabat Projek Zon Utara, Pejabat Projek Zon Tengah, Pejabat Projek Zon Selatan dan Pejabat Projek Zon Timur. Dengan terlaksananya penstrukturan tersebut, Unit Penyelarasan Projek ini merupakan sebahagian daripada BRP dan ditempatkan di bawah pengurusan TKP (Perancangan).

1.1 Peranan

Unit Penyelarasan Projek bertanggungjawab :

- Merancang, mengawal, menyelaraskan dan memantau status kemajuan fizikal dan kewangan projek-projek pembangunan;
- Menyediakan laporan kemajuan pelaksanaan program semasa dan membentuk program serta anggaran belanjawan bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT);
- Menyediakan laporan anggaran belanjawan pembangunan jabatan tahunan; dan
- Mengurusetikan perlantikan, penilaian prestasi dan penamatan perkhidmatan perunding di Jabatan.

1.2 Matlamat

Memastikan penyediaan rancangan pemajuan menepati program dan kos melalui penyelarasan dan pemantauan yang berkesan.

PLANMalaysia	PROSEDUR KUALITI KHAS		MUKA SURAT: iii
	JPBD (IP) PKK UPP	NO. KELUARAN: 6	TARIKH: 22 JULAI 2021

2.0 OBJEKTIF KUALITI BAHAGIAN

- i. Menyediakan laporan kemajuan pelaksanaan program semasa dan membentuk program serta anggaran belanjawan mengikut *Rolling Plan* bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) seterusnya;
- ii. Menyediakan laporan anggaran belanjawan pembangunan Jabatan setiap tahun berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan;
- iii. Menyediakan laporan bulanan bagi kemajuan fizikal dan kewangan projek menggunakan Sistem MyProjek;
- iv. Mengadakan mesyuarat jawatankuasa penyelarasan dan pemantauan projek-projek pembangunan dua (2) kali setahun; dan
- v. Menguruskan perlantikan perunding berdasarkan Perolehan Kerajaan PK 3 Perolehan Perkhidmatan Perunding keluaran Kementerian Kewangan Malaysia.

3.0 SKOP PENYEDIAAN DOKUMEN


Mengikut Objektif Kualiti, Unit Penyelarasan Projek terdapat lima (5) tugas utama yang dijalankan oleh bahagian ini. Daripada empat (4) tugas berkenaan, Unit Penyelarasan Projek telah mengenalpasti prosedur kualiti khas yang merangkumi empat (4) tugas iaitu, penyelarasan dan pemantauan status kemajuan fizikal dan kewangan projek-projek pembangunan. Walau bagaimanapun, untuk pengurusan perlantikan, penilaian prestasi dan penamatan perkhidmatan perunding adalah merujuk kepada PKT 03 : Perolehan.

4.0 STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN (UNIT PENYELARASAN PROJEK)

Struktur organisasi Unit Penyelarasan Projek adalah seperti Rajah 1.0.

PLANMalaysia	PROSEDUR KUALITI KHAS		MUKA SURAT:
	JPBD (IP) PKK UPP	NO. KELUARAN:	iv
		6	TARIKH:
			22 JULAI 2021

Rajah 1.0 : Struktur Organisasi Unit Penyelarasan Projek



PLANMalaysia	PROSEDUR KUALITI KHAS		MUKA SURAT: v
	JPBD (IP) PKK UPP	NO. KELUARAN: 6	TARIKH: 22 JULAI 2021

5.0 DOKUMEN-DOKUMEN SISTEM KUALITI

Prosedur Kualiti Khas Unit Penyelarasan Projek adalah :-

JPBD (IP) PKK (UPP) 01 - Penyelarasan dan Pemantauan Status Kemajuan Fizikal dan Kewangan Projek-projek Pembangunan.

6.0 PIAGAM PELANGGAN

- i. Menyediakan laporan kemajuan pelaksanaan program semasa dan membentuk program serta anggaran belanjawan mengikut *Rolling Plan* bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT);
- ii. Menyediakan laporan anggaran belanjawan pembangunan Jabatan setiap tahun, berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan;
- iii. Menyediakan laporan kemajuan fizikal dan kewangan projek menggunakan Sistem MyProjek sekali setiap bulan; dan
- iv. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Pemantauan Projek – Projek Pembangunan - Dua (2) kali setahun

PLANMalaysia	PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN STATUS KEMAJUAN FIZIKAL DAN KEWANGAN PROJEK- PROJEK PEMBANGUNAN		MUKA SURAT: 1 dari 5
	JPBD (IP) PKK (UPP) 01	NO. KELUARAN: 6	TARIKH: 22 JULAI 2021

DISEDIAKAN OLEH :

TANDATANGAN :

NAMA :

JAWATAN :

TARIKH :

:

:

TPr TOH LAY SEE

KETUA UNIT PENYELARASAN PROJEK

22 JULAI 2021

DILULUSKAN OLEH :

TANDATANGAN :

NAMA :

JAWATAN :

TARIKH :

:

:

DATUK TPr MOHD FAIDZAL BIN HAMZAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN)

22 JULAI 2021

PLANMalaysia	PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN STATUS KEMAJUAN FIZIKAL DAN KEWANGAN PROJEK- PROJEK PEMBANGUNAN		MUKA SURAT: 2 dari 5
	JPBD (IP) PKK (UPP) 01	NO. KELUARAN: 6	TARIKH: 22 JULAI 2021

1.0 OBJEKTIF

Dokumen ini bertujuan untuk menerangkan prosedur yang terlibat untuk menyelaraskan dan memantau prestasi fizikal dan kewangan bagi projek-projek pembangunan.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunakan bagi menyelaraskan dan memantau kemajuan projek-projek pembangunan melalui :

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Pemantauan Projek-projek Pembangunan;
- ii. Sistem MyProjek; dan
- iii. Anggaran Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan.

PLANMalaysia	PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN STATUS KEMAJUAN FIZIKAL DAN KEWANGAN PROJEK- PROJEK PEMBANGUNAN		MUKA SURAT: 3 dari 5
	JPBD (IP) PKK (UPP) 01	NO. KELUARAN: 6	TARIKH: 22 JULAI 2021

3.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

NO.	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	KUPP	1.1 Mendapatkan persetujuan TKP (Perancangan) mengenai tarikh, masa dan tempat mesyuarat.
2.0	KUPP	2.1 Menyediakan surat panggilan Mesyuarat Penyelarasan dan Pemantauan Projek-Projek Pembangunan. 2.2 Menyediakan dan mengemaskini jadual prestasi kewangan dan fizikal projek-projek pembangunan. Maklumat yang dikemaskini adalah : i. Laporan Prestasi Fizikal dan Kewangan mengikut Sistem MyProjek; ii. Prestasi dan peratus perbelanjaan serta baki peruntukan kewangan bagi projek-projek yang berkenaan; dan iii. Serahan penjimatan/ lebihan peruntukan pembangunan (sekiranya ada).
3.0	TKP (Perancangan)	3.1 Mempengerusikan mesyuarat.
4.0	PP / PPP	4.1 Menyediakan minit mesyuarat dan membuat edaran kepada Bahagian/ Pejabat Projek/ Unit
5.0	KUPP	5.1 Melaksanakan pemantauan projek-projek pembangunan:- i. Prestasi kewangan; dan ii. Kemajuan fizikal (berdasarkan kepada Sistem MyProjek;

PLANMalaysia	PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN STATUS KEMAJUAN FIZIKAL DAN KEWANGAN PROJEK- PROJEK PEMBANGUNAN		MUKA SURAT: 4 dari 5
	JPBD (IP) PKK (UPP) 01	NO. KELUARAN: 6	TARIKH: 22 JULAI 2021

4.0 REKOD - REKOD KUALITI

Bil	Nama Rekod	Lokasi	Tempoh Simpanan	Lampiran
1	Jadual Perancangan Mesyuarat	PLANMalaysia Unit Penyelarasan Projek	5 tahun	
2	Surat panggilan mesyuarat	PLANMalaysia Unit Penyelarasan Projek	5 tahun	
3	Minit mesyuarat	PLANMalaysia Unit Penyelarasan Projek	5 tahun	
4	Laporan Perincian Prestasi Fizikal Kemajuan Projek-Projek Pembangunan Sistem MyProjek yang terkini / mengikut tahun semasa	PLANMalaysia Unit Penyelarasan Projek	5 tahun	
5	Jadual Prestasi Kewangan Projek-projek Pembangunan Bahagian / Pejabat Projek yang terkini / mengikut tahun semasa	PLANMalaysia Unit Penyelarasan Projek	5 tahun	

PLANMalaysia	PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN STATUS KEMAJUAN FIZIKAL DAN KEWANGAN PROJEK- PROJEK PEMBANGUNAN		MUKA SURAT: 5 dari 5
	JPBD (IP) PKK (UPP) 01	NO. KELUARAN: 6	TARIKH: 22 JULAI 2021

CARTA ALIR MESYUARAT JK PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN	TANGGUNGJAWAB	REKOD DOKUMEN
<pre> graph TD Mula([Mula]) --> A[Penentuan Tarikh, Masa dan Tempat Mesyuarat] A --> B[Penyediaan surat panggilan mesyuarat] B --> C[Penyediaan dan pengemaskinian Jadual Prestasi Kewangan dan Fizikal Projek-Projek Pembangunan] C --> D[Mesyuarat Penyelarasan dan Pemantauan Projek-Projek Pembangunan] D --> E[Penyediaan minit mesyuarat dan edaran] E --> F[Pemantauan prestasi kewangan/ fizikal] F --> Tamat([Tamat]) </pre>	KUPP PPBD/ PPP KUPP / PP TKP (Perancangan) dan ahli mesyuarat KUPP / PP KUPP / PP	Surat panggilan mesyuarat Minit Mesyuarat dan Surat edaran minit mesyuarat